

NO. SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING (KULAI) meminta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah orang yang didakwa di bawah seksyen 377 Kanun Keseksaan dan jumlah orang yang dihukum di bawah seksyen tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 377 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan dengan sengaja melakukan persetubuhan dengan haiwan yang membawa hukuman penjara 20 tahun, dan boleh juga dikenakan denda atau sebatan.
2. Jumlah orang yang dipertuduh di bawah seksyen 377 Kanun Keseksaan adalah seramai 2 orang iaitu seorang pada tahun 2010 dan seorang lagi pada tahun 2012 dan kedua-duanya disabitkan dan dihukum. Kedua-dua orang tertuduh masing-masing telah dijatuhi hukuman pemenjaraan 10 tahun dan 4 kali sebatan, dan pemenjaraan 7 tahun.

Sekian, terima kasih.